

Media Title : Sinar Harian
Headline : Pengurus syarikat rugi RM199,996 ditipu scammer
Date : 15 September 2023
Section : Mahkamah & Jenayah
Page : 15



Pengurus syarikat rugi RM199,996 ditipu scammer

KUALA LUMPUR - Seorang pengurus sebuah syarikat kerugian RM199,996 akibat terpedaya dengan panggilan sindiket penipuan berkaitan penggunaan kad kredit.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, lelaki warga emas berusia 70 tahun itu menerima pesanan menyatakan mangsa mempunyai penggunaan kad kredit sebuah bank pada 7 September lalu.

"Mangsa kemudian menghubungi nombor yang terdapat pada pesanan berkenaan



an dan dimaklumkan mengenai penggunaan kad kredit terbabit, mangsa membuat penafian mempunyai kad kredit bank tersebut," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

“

Mangsa kemudian diminta membuat laporan kepada pihak Bank Negara Malaysia (BNM)."

- Ramli

Menurut Ramli, mangsa kemudian diminta membuat laporan kepada pihak Bank Negara Malaysia (BNM).

"Ketika bercakap dengan sindiket yang menyamar sebagai pegawai Bank Negara

yang menyatakan mereka akan menguruskan permasalahan mangsa dan dia dikehendaki mengikut arahan diberikan.

"Mangsa menuruti semua arahan yang diberikan dan seterusnya mendapat wang dalam akaunnya berkurangan sebanyak RM199,996," katanya.

Beliau berkata, mangsa tampil membuat laporan di Balai Polis Cheras pada Selasa untuk tindakan selanjutnya.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.